

13 APR 2001

Samy-Universiti/I

UNIVERSITI MIC MULA BUAT PENGAMBILAN PELAJAR MATRIKULASI

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia, universiti tajaan MIC di Sungai Petani, Kedah mula membuat pengambilan pelajar untuk mengikuti kursus-kursus matrikulasi di kampus sementara, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata kerja melanskap tapak kampus seluas 96 hektar yang mempunyai empat fakulti itu sudah dimulakan manakala pembinaan bangunan dijangka bermula pada akhir Mei.

"Universiti akan mempunyai empat fakulti iaitu perubatan, kejuruteraan, sains dan multimedia...pelajar sudah memulakan kursus matrikulasi dan mereka mengikuti program berkembar dengan Bristol University, United Kingdom," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED), sayap pendidikan MIC dan Kolej Informatics di sini.

MoU itu membuka peluang bagi kolej itu menawarkan biasiswa sebanyak RM366,900 kepada MIED yang meliputi yuran tuisyen, perpustakaan dan peperiksaan untuk pelajar masyarakat kaum India yang memerlukannya.

Samy Vellu berkata universiti itu dijangka siap pada September 2003 dan pada peringkat awal, akan mengambil seramai 3,500 pelajar yang seterusnya akan ditambah secara berperingkat sehingga 7,500 orang beberapa tahun berikutnya.

Sementara itu, beliau berkata MIED kini bebas daripada masalah mengutip pinjaman daripada pelajar yang telah lulus.

"Kami mempunyai kira-kira RM30 juta baki pinjaman tetapi pembayaran semula adalah baik ... kira-kira RM100,000 hingga RM120,000 sebulan, katanya.

Beliau berkata MIED memperuntukkan antara RM5.5 juta dan RM6 juta untuk pinjaman pendidikan setiap tahun kepada pelajar kaum India yang memerlukannya dan jika RM30 juta itu boleh dikutip, seramai 5,000 hingga 10,000 pelajar boleh dibiayai.

Samy Vellu juga menyambut baik langkah kerajaan melonggarkan keperluan visa di kalangan pelajar dan pensyarah dari India dan China seperti yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga negara yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat minggu lepas.

"Ini bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan memandangkan ramai pelajar atau pensyarah asing yang mahu datang ke sini," katanya.

Katanya pelajar dari India, kebanyakannya dari keluarga kelas menengah, berminat untuk melanjutkan pelajaran di negara ini berbanding Eropah.

Bidang lain yang patut kerajaan tumpukan ialah menyediakan lebih banyak peluang belajar pada sebelah malam untuk golongan yang bekerja, katanya.

"Kolej boleh mengadakan kelas dari pukul 7 malam hingga 9 malam untuk golongan ini bagi membolehkan mereka memperbaiki kehidupan masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

SR AR LAT